

## PENILAIAN KURIKULUM STANDARD PRASEKOLAH KEBANGSAAN (SEMAKAN 2017) KOMPONEN PENDIDIKAN ISLAM

*Curriculum Evaluation on National Standard Pre-School of Islamic Education Component*

Mohd Azahar Madar & Mohd Syaubari Othman

Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjung Malim, Perak, MALAYSIA

\*Correspondence email: syaubari@fpm.upsi.edu.my

**Published:** 25 December 2022

**To cite this article (APA):** Madar, M. A., & Othman, M. S. (2022). Curriculum Evaluation on National Standard Pre-School of Islamic Education Component : Penilaian Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan 2017) Komponen Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15(2), 75–82. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol15.2.7.2022>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/bitara.vol15.2.7.2022>

### ABSTRAK

Keberkesanan pelaksanaan kurikulum dapat dilihat apabila kurikulum yang dibangunkan mampu mencapai matlamat dalam tempoh yang ditetapkan. Bagi mendapatkan maklumat berkaitan pelaksanaan kurikulum, penilaian kurikulum perlu dilaksanakan secara holistik merangkumi pelbagai aspek. Ini bertepatan dengan tujuan penilaian kurikulum ialah untuk menentukan sama ada objektif kurikulum telah dilaksanakan atau mencapai keputusan yang diinginkan. Terdapat beberapa model yang sering digunakan bagi menilai kurikulum. Setiap model mempunyai kekuatan dan kelemahan. Keputusan pemilihan model bagi menilai kurikulum ditentukan berdasarkan tujuan penilaian dibuat. Justeru, kertas konsep ini bertujuan meninjau model-model berkaitan penilaian kurikulum dan mengenal pasti model yang sesuai bagi menilai kurikulum prasekolah komponen Pendidikan Islam. Pada masa hadapan adalah diharapkan lebih banyak kajian berkaitan penilaian kurikulum prasekolah dilaksanakan bagi menambah baik kurikulum pendidikan prasekolah di Malaysia.

**Kata kunci:** Pelaksanaan, Penilaian, Pendidikan Prasekolah, Kurikulum Prasekolah, Komponen Pendidikan Islam

### ABSTRACT

*The effectiveness of curriculum implementation can be seen when the curriculum developed is able to achieve the goals within the set period. In order to obtain information related to the implementation of the curriculum, the evaluation of the curriculum needs to be carried out holistically including various aspects. This coincides with the purpose of curriculum evaluation which is to determine whether the curriculum objectives have been implemented or achieved the desired results. There are several models that are often used to evaluate the curriculum. Each model has strengths and weaknesses. The decision to select a model to evaluate the curriculum is determined based on the purpose of the evaluation. Therefore, this concept paper aims to review the models related to curriculum evaluation and identify the appropriate model to evaluate the preschool curriculum component of Islamic Education. In the future, it is hoped that more studies related to preschool curriculum evaluation will be carried out to improve the preschool education curriculum in Malaysia.*

**Keywords:** Implementation, Evaluation, Preschool Education, Preschool Curriculum, Islamic Education Component

## PENGENALAN

Pendidikan Islam adalah sebahagian daripada komponen yang terdapat di dalam kurikulum pendidikan di Malaysia. Ini selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Ini disokong dengan pernyataan yang terdapat di dalam Falsafah Pendidikan Islam iaitu “suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian mulia dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membantu diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat”. Komponen Pendidikan Islam (KPI) yang terdapat dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) Semakan 2017 merupakan sebahagian daripada kandungan kurikulum yang diajar kepada murid prasekolah yang beragama Islam sama ada di prasekolah atau tadika yang dioperasikan oleh pihak kerajaan ataupun swasta. Kurikulum ini sentiasa ditambah baik berdasarkan transformasi pendidikan negara. Kandungan KPI disuaikan dengan tahap perkembangan kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun. Pelaksanannya pula mengambil kira aspek pembelajaran murid di prasekolah yang menggunakan pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan.

### Penilaian Kurikulum

Penilaian merupakan satu proses menentukan sejauh mana sesuatu objektif pendidikan dirasai tercapai dalam suatu kurikulum pendidikan (Tyler, 1949). Penilaian merupakan aspek yang sangat diperlukan dalam pelaksanaan sesuatu program kerana ia dapat memberikan pelbagai maklum balas yang tepat dan berkesan terhadap sesuatu program yang dinilai (Shamsa Aziz, Munazza Mahmood, 2018a). Penilaian kurikulum merujuk proses pengkajian tahap kejayaan atau keberkesanannya sesuatu aspek atau keseluruhan kurikulum dari segi kesahihan objektif, kaitan dan urutan isi serta tahap pencapaian matlamat pendidikan yang ditetapkan. Penilaian kurikulum ialah unsur perubahan kurikulum yang seterusnya membawa reformasi dalam pendidikan, khususnya pembentukan kurikulum (Jaafar, 2019).

Pandangan lain berkaitan penilaian kurikulum ialah merupakan satu proses bagi membuat keputusan mengenai keberkesanannya sesuatu kurikulum yang telah dijalankan. Proses ini melibatkan pengenalpastian kriteria yang hendak dinilai, teknik penilaian, kaedah menganalisis, menginterpretasi penemuan dan seterusnya membuat keputusan tertentu terhadap program tersebut (Mahmud, 2012). Penilaian kurikulum merujuk kepada satu proses untuk membuat keputusan mengenai keberkesanannya sesuatu kurikulum. Proses tersebut melibatkan pelbagai aktiviti seperti mengenal pasti rasional dan tujuan penilaian, aspek-aspek yang hendak dinilai, kaedah penilaian, kaedah analisis maklumat, menginterpretasikan penemuan dan membuat keputusan tertentu mengenai keberkesanannya program (Olivia, 2005). Mohamad Fadzil Che Amat, 2013 pula berpandangan sistem pendidikan yang berkesan merupakan elemen yang penting bagi sesebuah negara yang merancang ke arah pencapaian status negara maju. Oleh yang demikian, bagi memastikan rakyat negara ini bersedia untuk menghadapi cabaran persaingan global, kurikulum pendidikan masa kini perlu dan ditambah baik secara berterusan pada semua peringkat pendidikan (Surendran, S., & Norazlinda, 2019). Pelaksanaan penilaian dijangka dapat memberikan input serta data berkaitan dengan kejayaan pelaksanaan sesuatu program (Trends, 2007). Dalam menilai kurikulum, beberapa model boleh digunakan mengikut keperluan sesuatu kurikulum itu ingin dinilai.

Dalam artikel ini beberapa model penilaian akan dijelaskan bagi melihat kesesuaiannya untuk penilaian KSPK (Semakan 2017) komponen Pendidikan Islam. Pemilihan jenis dan model penilaian yang betul akan membantu memberikan maklumat yang diperlukan dan menepati kehendak penilaian yang dibuat (Nor Hayati & Bani Hidayat, 2016).

### Model Penilaian Berorientasikan Objektif

Penilaian model ini bertujuan menentukan sejauh mana objektif program tercapai. Penilaian adalah berasaskan objektif dan bersifat penilaian sumatif. Model ini mudah difahami, senang diikuti dan dilaksanakan. Ia mampu membekalkan maklumat yang berguna kepada pihak pelaksana program.

Antara model penilaian diperkenalkan berdasarkan objektif antaranya ialah Model Penilaian Tyler (1949), Model Penilaian Metfessel dan Micheal (1967), Model Penilaian Hammond (1973), Model Penilaian Logik (1999), Model Penilaian Empat Tahap Kirkpatrick (2006)

### **Model Penilaian Berorientasikan Pengurusan**

Penilaian model ini bertujuan menyediakan pelbagai maklumat yang berguna untuk membantu dalam membuat keputusan. Pendekatan ini menjalankan penilaian secara formatif dan sumatif pada semua peringkat perkembangan program. Setiap peringkat boleh dinilai secara berterusan atau serentak dan berasingan mengikut kehendak dan tujuan penilaian. Keputusan akan dibuat tentang input, proses-proses yang berlaku dan hasil daripada program yang dijalankan. Penilaian menggunakan model ini memfokuskan kepada kekuatan dan kelemahan program supaya keputusan yang rasional dapat lakukan bagi penambahbaikan program. Antara model yang berorientasikan pengurusan ialah model Penilaian CIPP Stufflebeam (1971), Model Penilaian CIPP Stufflebeam (2003), Model Penilaian UCLA Alkin (1969) dan Model Penilaian CIRO Warr, Bird dan Rackham (1970).

### **Model Penilaian Berorientasikan Pelanggan**

Model ini menekankan kepada hubungan dengan peserta program bagi tujuan penilaian yang responsive dan memberi kelebihan kepada pelanggan. Antara model penilaian diperkenalkan berorientasikan pelanggan ialah Model Penilaian Matlamat Bebas Scriven (1974), Model Penilaian Sokongan Stakes (1967) dan Model Penilaian Perbezaan Provus (1971).

### **Model Penilaian Berorientasikan Kepakaran**

Model penilaian berorientasikan kepakaran menekankan kepada kualiti amalan dalam proses pendidikan, pemantauan secara sistematik dilaksanakan, terdapat garis panduan tertentu yang perlu dipatuhi dan dicapai, komitmen penuh dan ketelusan penilai merupakan elemen penting dalam model penilaian ini. Antara model penilaian kepakaran antaranya ialah Model Penilaian Eisner's Educational Connoisseurship and Critism Perspective (1998) dan Model Penilaian Kumpulan Akreditasi.

### **Model Penilaian Berorientasikan Lawan**

Model penilaian berorientasikan lawan mempunyai pendekatan tersendiri dalam melakukan penerokaan, pendedahan, pertimbangan, penilaian dan membuat keputusan. Antara model penilaian berorientasikan lawan adalah Model Penilaian Judicial atau Adversary (1971).

### **Model Penilaian Berorientasikan Keadaan Naturalis dan Peserta**

Model ini bertujuan mendapatkan sebanyak mungkin maklumat dan bukti kualitatif tentang program yang dinilai dengan melalui fasa-fasa yang tersendiri melibatkan keadaan semula jadi dan maklum balas peserta program. Antara model penilaian berorientasikan keadaan naturalis dan peserta antaranya ialah Model Penilaian Responsif Stakes (1975), Model Penilaian Illuminative Parlett dan Hamilton (1972), Model Penilaian Demokratik dan Model Penilaian Naturalis (1977).

### **Komponen Pendidikan Islam Dalam Kurikulum Prasekolah**

Menurut Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), "kurikulum prasekolah" ertinya garis panduan kurikulum yang diluluskan oleh Menteri di bawah seksyen 22 bagi kegunaan tadika. Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang dilaksanakan mulai tahun 2010 telah disemak semula bagi memenuhi tuntutan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 kualiti kurikulum yang dilaksanakan setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijelmakan dalam KSPK menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang mengandungi Standard

Kandungan (SK), Standard Pembelajaran (SP) dan Standard Prestasi (SPi). Kurikulum yang disemak ini dikenali dengan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan 2017).

KSPK (Semakan 2017) digubal berdasarkan prinsip amalan bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak dan teori pembelajaran kanak-kanak. Kandungan KSPK (Semakan 2017) adalah berasaskan enam tunjang iaitu Tunjang Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Perkembangan Fizikal dan Estetika; Sains dan Teknologi; dan Keterampilan Diri. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Kesepaduan ini bertujuan membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 3.1 di bawah.



Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan

Berdasarkan Rajah 1, tunjang komunikasi menekankan kepada kemahiran berbahasa secara lisan dan bukan lisan semasa berinteraksi. Tunjang ini mengandungi disiplin ilmu bahasa yang wajib dipelajari oleh semua murid prasekolah iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Tunjang kerohanian, sikap dan nilai memberi keutamaan kepada aspek penghayatan amalan agama, kepercayaan, sikap dan nilai. Tunjang ini mengandungi disiplin ilmu Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Pendidikan Islam dipelajari oleh murid beragama Islam, manakala Pendidikan Moral dipelajari oleh murid bukan beragama Islam. Tunjang kemanusiaan menekankan kepada penguasaan ilmu dan amalan tentang kemasyarakatan dan alam sekitar setempat, negara dan global serta penghayatan semangat patriotisme dan perpaduan. Tunjang keterampilan diri memberi penekanan kepada perkembangan sosioemosi dan pembinaan kemahiran berinteraksi serta kemahiran sosial dalam kalangan murid. Pemupukan kepimpinan dan sahsiah diri melalui aktiviti kurikulum dan kokurikulum juga ditekankan dalam tunjang ini. Tunjang perkembangan fizikal dan estetika menekankan perkembangan jasmani dan kesihatan untuk kesejahteraan diri serta pemupukan daya imaginasi, kreativiti, bakat dan apresiasi terhadap karya seni dalam kalangan murid. Tunjang sains dan teknologi memberi penekanan kepada pengetahuan sains, kemahiran dan sikap saintifik; serta pengetahuan dan kemahiran matematik.

KSPK (Semakan 2017) berfokus untuk melahirkan murid yang mempunyai kebolehan berkomunikasi dan bersosialisasi dengan yakin. Di samping itu, kurikulum ini menghasratkan murid yang mampu menghadapi cabaran, menyelesaikan masalah, berkeinginan untuk belajar dan bersedia untuk pembelajaran seterusnya. Antara perkara yang diberi penekanan dalam pengubalan KSPK (Semakan 2017) ialah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang dinyatakan secara eksplisit dalam

penulisan SP. Kandungan yang dipelajari di peringkat prasekolah pada asasnya merupakan pengetahuan dan kemahiran asas yang diperlukan murid sebagai persediaan untuk mengikuti pendidikan di peringkat sekolah rendah kelak.

Berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 7 Tahun 2016 (Malaysia, 2016) telah menyatakan peruntukan masa di tadika mengikut minit dalam seminggu seperti di Jadual 1.

**Jadual 1:** Peruntukan Masa Minimum Pengajaran dan Pembelajaran

Bil.	Bidang Pembelajaran	Peruntukan masa seminggu (minit) untuk kelas prasekolah yang bahasa pengantarnya		
		Bahasa Melayu	Bahasa	Pengantar Lain
1.	Bahasa Melayu	60	60	
2.	Bahasa Inggeris	60	60	
3.	Bahasa Cina/Bahasa Tamil	-	60	
4.	Aktiviti Luar	120	120	
6.	Pendidikan Islam/ Pendidikan Moral	120	120	
7.	Matematik Awal	40	40	
8.	Pembelajaran Bersepadu	800	740	
<b>Jumlah</b>		<b>1200</b>	<b>1200</b>	

Berdasarkan Jadual 1, peruntukan waktu minimum perlu dipatuhi seperti berikut:

- i. Prasekolah hendaklah dijalankan sekurang-kurangnya empat jam sehari (termasuk masa rehat) iaitu, sejumlah 20 jam satu minggu untuk kanak-kanak yang berumur 5+.
- ii. Prasekolah hendaklah dijalankan sekurang-kurangnya tiga setengah jam sehari (termasuk masa rehat) iaitu, sejumlah  $1\frac{1}{2}$  jam satu minggu untuk kanak-kanak yang berumur 4+.
- iii. Bahasa Melayu hendaklah digunakan sebagai bahasa instructional sekurang-kurangnya 600 minit seminggu di kelas prasekolah yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.
- iv. Bahasa Melayu hendaklah digunakan sebagai bahasa instructional sekurang-kurangnya 400 minit seminggu di kelas prasekolah yang tidak menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.
- v. Bahasa Inggeris hendaklah digunakan sebagai bahasa instructional sekurang-kurangnya 600 minit seminggu di kelas prasekolah yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.
- vi. Bahasa Inggeris hendaklah digunakan sebagai bahasa instructional sekurang-kurangnya 400 minit seminggu di kelas prasekolah yang tidak menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.
- vii. Jika di dalam sesuatu prasekolah terdapat lima orang murid atau lebih yang beragama Islam, maka murid-murid itu hendaklah diberikan pengajaran Pendidikan Islam oleh guru yang bertauliah, sekurang-kurangnya dua jam seminggu.
- viii. Jika di dalam sesuatu tadika terdapat lima orang murid atau lebih yang bukan beragama Islam, maka murid-murid itu hendaklah diberikan pengajaran pendidikan moral sekurang-kurangnya dua jam seminggu.

Komponen Pendidikan Islam (KPI) adalah di bawah tunjang kerohanian, sikap dan nilai yang mempunyai peruntukan masa yang sama dengan pendidikan moral iaitu 120 minit seminggu. Walau bagaimanapun KPI perlu diajar oleh guru yang bertauliah (Malaysia, 2016) berbanding pendidikan moral yang diajar oleh guru prasekolah . Bagi pelaksanaan KPI di prasekolah KPM, guru yang bertauliah adalah merujuk kepada guru Pendidikan Islam (GPI). KPI di prasekolah memberi penekanan terhadap penguasaan atas Al-Quran dan jawi, pembentukan akidah, pemupukan atas ibadah, penyuburan adab dan akhlak dan pengenalan kepada sirah. Selepas mengikuti aktiviti pembelajaran yang berteraskan KPI murid boleh:

- i. Mengenal huruf-huruf hijaiyah, menghafaz surah-surah pendek dan mempelajari bahasa Arab mudah.
- ii. Memahami asas beriman dan beribadah kepada Allah.
- iii. Mengenali sirah dan peribadi Rasulullah SAW serta berusaha mencontohnya.
- iv. Mengamalkan adab dan akhlak yang mulia dalam kehidupan.
- v. Membaca suku kata dan menulis huruf jawi dengan betul.

Bagi memberi panduan kepada GPI melaksanakan KPI, Buku Panduan Pendidikan Islam Prasekolah digubal selaras dengan kandungan KSPK (Semakan 2017). Kandungan buku panduan ini mengesyorkan pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna sesuai dengan tahap perkembangan murid prasekolah. Buku panduan ini diterbitkan khusus untuk GPI Pendidikan Islam yang mengajar di kelas prasekolah bagi memberi idea dalam merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran serta pentaksiran KPI prasekolah.

### **Penilaian Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan 2017 Komponen Pendidikan Islam Menggunakan Model Konteks Input Proses Produk (KIPP))**

Model KIPP telah diperkenalkan oleh Stufflebeam (1971) dan menekankan penilaian ke atas empat aspek bagi sesuatu program iaitu melalui aspek konteks, input, proses dan produk. Proses penilaian boleh dilakukan terhadap sesuatu program dengan menggunakan keempat-empat aspek atau menggunakan salah satu daripadanya. Model ini bertujuan untuk menilai sesuatu program dengan tujuan untuk menambah baik program tersebut khususnya program-program yang ditawarkan dalam bidang pendidikan dan perkhidmatan manusia (Shamsa Aziz, Munazza Mahmood, 2018).

Model penilaian KIPP dipilih bagi penilaian KSPK (Semakan 2017) komponen Pendidikan Islam kerana model ini menggambarkan bagaimana penilaian boleh menyumbang kepada proses membuat keputusan dalam amalan pendidikan. Ini bersesuaian dengan objektif kajian ini iaitu menilai proses pelaksanaan KSPK (Semakan 2017) KPI di kelas prasekolah berdasarkan dimensi konteks, input, proses dan produk. Model ini berfokus secara khusus kepada penilaian yang bermatlamatkan kesan jangka panjang dan penambahbaikan berterusan. Menurut Aziz et al., (2018) model ini sangat sesuai bagi menilai kualiti pendidikan di peringkat sekolah yang melibatkan pengurusan sekolah dan guru.

Model CIPP amat berguna sebagai model membuat keputusan untuk membantu pembuat keputusan dalam membuat latihan lebih berkesan. Penilaian dari aspek konteks, input, proses dan produk akan memberikan gambaran yang lebih menyeluruh dan holistik terhadap sesuatu. Ini membantu pembuat dasar mengenal pasti penambahbaikan yang perlu dilakukan dalam aspek tertentu (Lucidea, 2021).

Menurut Jaafar (2015) menyenaraikan tiga rasional mengapa model ini sesuai untuk menilai sesuatu program iaitu: (i) Model CIPP menyediakan kerangka untuk mengumpul dan memberikan maklumat untuk memastikan keberkesanan sesuatu program pendidikan; (ii) Model CIPP merupakan satu proses menggambarkan, memperoleh dan menyediakan maklumat yang berguna kepada pembuat keputusan memilih tindakan alternatif dan bukannya untuk menghakimkan bagi menentukan sama benar atau salah sesuatu program; (iii) Model CIPP boleh merumuskan tiga tujuan iaitu memberi panduan untuk membuat keputusan, memberikan rekod untuk lebih bertanggungjawab dan menggalakkan pemahaman terhadap fenomena yang berlaku.

Pandangan lain yang turut menyokong penggunaan CIPP adalah Hasyim & Ari (2020) yang menyatakan penilaian model CIPP sesuai digunakan kerana boleh diaplikasikan dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, pengurusan, syarikat, dan sebagainya serta di pelbagai peringkat. Menurut Thurab-

Nkhosi (2019) walaupun terdapat pelbagai jenis pendekatan penilaian, model CIPP dirasakan paling sesuai untuk mengkaji semula pelaksanaan kurikulum kerana ia memfokuskan kepada penambahbaikan dan akauntabiliti.

Berdasarkan teori, model dan dapatan kajian lepas, kerangka konseptual dihasilkan seperti Rajah 4.1 di bawah yang dibina daripada adaptasi model KIPP yang dicadangkan oleh Stufflebeam & Shinkfield (2007) dan kajian yang dilaksanakan oleh Jaafar (2015) yang bertajuk Penilaian Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Menengah Berasaskan Model Context-Input-Process-Product (CIPP).



**Rajah 2.** Kerangka konseptual penilaian KSPK (Semakan 2017) komponen Pendidikan Islam

Keempat-empat dimensi iaitu konteks, input, proses dan produk digunakan dalam menjalankan kajian ini. Penilaian dimensi konteks berkaitan kesesuaian KSPK (Semakan 2017) KPI dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), Falsafah Pendidikan Islam (FPI), matlamat dan objektif dalam komponen Pendidikan Islam di prasekolah. Penilaian dimensi input pula berkaitan kemudahan-kemudahan, tahap pengetahuan dan keyakinan diri Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam pelaksanaan KSPK (Semakan 2017) KPI. Bagi penilaian dimensi proses pula, kajian ini menilai proses PdP, penggunaan BBM, pemantauan, pentaksiran dan kerjasama pihak pentadbir terhadap pelaksanaan KSPK (Semakan 2017) KPI. Penilaian dimensi produk pula adalah bagi menilai tahap keberkesanan pelaksanaan KSPK (Semakan 2017) KPI terhadap murid prasekolah berdasarkan standard prestasi bagi komponen ini. Berdasarkan keempat-empat dimensi penilaian ini, pengkaji akan dapat membuat kesimpulan terhadap pelaksanaan KSPK (Semakan 2017) bagi KPI dengan lebih menyeluruh.

## KESIMPULAN

Penilaian membolehkan proses membaiki mana-mana aspek dalam proses pembentukan dan perkembangan kurikulum. Penilaian menjelaskan kepada kita sejauh manakah kurikulum itu berkesan (Hamdan, 2007). Oleh yang demikian, terdapat keperluan bagi menilai kurikulum prasekolah komponen Pendidikan Islam bagi member input kepada penggubal kurikulum agar penambahbaikan dapat dilakukan bagi pembangunan kurikulum prasekolah pada masa hadapan. (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017)

## RUJUKAN

- Aziz, S., Mahmood, M., & Rehman, Z. (2018). Implementation of CIPP Model for Quality Evaluation at School Level: A Case Study. *Journal of Education and Educational Development*, 5(1), 189. <https://doi.org/10.22555/joeed.v5i1.1553>
- Bahagian Pembangunan Kurikulum, K. (2017). Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Pendidikan Prasekolah; Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Semakan 2017). Bahagian Pembangunan Kurikulum, 1–172. <http://bpk.moe.gov.my/index.php/terbitan-bpk/pra-sekolah/category/40-dskp>
- Hamdan, A. R. (2007). Pengajian Kurikulum. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Hasyim, J., & Ari, A. ' (2020). Evaluation of Child-Friendly Schools Program in Islamic Schools using the CIPP Model Dinamika Ilmu. 20(2), 323. <https://doi.org/10.21093/di.v20i2.2580>
- Jaafar, A. (2015). Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Islam Sekolah Menengah Berasaskan Model Context-Input-Process-Product (CIPP ).
- Jaafar, A. (2019). Asas pembangunan kurikulum dalam pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lucidea. (2021). The CIPP Model of Evaluation | Lucidea. Lucidea.Com. <https://lucidea.com/blog/the-cipp-model-of-evaluation/>
- Mahmud, A. (2012). Konsep dan Penilaian Dalam Pelaksanaan Kurikulum. Prosididng Seminar Penyelidikan Pendidikan Dan Pembangunan Sumber Manusia (PPPSM 2013). <https://doi.org/10.13140/RG.2.1.1752.2000> <https://doi.org/https://doi.org/10.13140/RG.2.1.1752.2000>
- Malaysia, K. P. (2016). Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 7 Tahun 2016 - Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan 2017). <https://www.moe.gov.my/pekeliling/1943-surat-pekeliling-ikhtisas-bilangan-7-tahun-2016-pelaksanaan-kurikulum-standard-prasekolah-kebangsaan-semakan-2017/file>
- Mohamad Fadzil Che Amat, & A. J. A. H. (2013). Menilai keberkesanan pelaksanaan program diploma perguruan lepas ijazah pendidikan Sejarah sekolah rendah di institut pendidikan guru kampus Pulau Pinang. Kertas Kerja dibentangkan pada seminar pendidikan Sejarah dan Geografi di Universiti Malaysia Sabah.
- Nor Hayati, & Bani Hidayat. (2016). Penilaian Pelaksanaan Kurikulum, Satu Sorotan. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 8(2), 1–9.
- Olivia, P. F. (2005). Developing the curriculum. Boston: Allyn & Bacon.
- Shamsa Aziz, Munazza Mahmood, & Z. R. (2018a). Implementation of CIPP Model for Quality Evaluation at School Level: A Case Study. *Journal of Education and Educational Development*, 5(1), 189-206.
- Shamsa Aziz, Munazza Mahmood, & Z. R. (2018b). Implementation of CIPP Model for Quality Evaluation at School Level: A Case Study. *Journal of Education and Educational Development*, 5(1), 189-206. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1180614.pdf>
- Stufflebeam, D. L. (1971). "The Relevance of the CIPP Evaluation Model for Educational Accountability." *Journal of Research and Development in Education*,
- Stufflebeam, D., & Shinkfield, A. (2007). Evaluation Theory, Models, and Applications. In Jossey-Bass A Wiley Imprint San Francisco. <https://scholarworks.wmich.edu/books/198>
- Surendran, S., & Norazlinda, S. (2019). Penilaian Program Sarjana Muda Pendidikan: Model CIPP Sebagai Asas. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(8), 132-140. <https://doi.org/10.35631/IJMTSS.280013>
- Thurab-Nkhosi, D. (2019). The evaluation of a blended faculty development course using the CIPP Framework.
- Trends, C. (2007). Why conduct a program evaluation? *Research to Results*, 31.
- Tyler, R. . . (1949). Basic principles of curriculum and instruction. Chicago : University of Chicago.